

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 26 SEPTEMBER 2015 (SABTU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Jadual padat menanti Perdana Menteri di Perhimpunan Agung PBB	BERNAMA
2.	Malaysia terima pakai Agenda 2030 PBB	Utusan Malaysia
3.	PM to state Malaysia's stand	The Star
4.	Langit Malaysia pulih seperti biasa menjelang Oktober	BERNAMA
5.	Ketampakan rendah di perairan Malaysia sehingga Isnin	BERNAMA
6.	Ketampakan rendah 5 KM akibat jerebu di enam negeri sehingga Isnin	BERNAMA
7.	Gempa bumi kuat melanda Coquimbo di Chile	BERNAMA



Jadual Padat Menanti Perdana Menteri Di Perhimpunan Agung PBB



Daripada Mokhtar Hussain

NEW YORK, 25 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak mempunyai jadual padat pada sesi ke-70 Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu di sini, dengan menyertai dalam sekurang-kurangnya tujuh mesyuarat peringkat tertinggi yang akan diadakan di kompleks PBB di Manhattan di sini.

Perdana menteri, yang mengetuai delegasi terdiri daripada beberapa menteri Kabinet, akan menyampaikan pernyataan rasmi pada mesyuarat berkenaan sebelum berucap dalam Debat Umum PBB pada 1 Okt.

Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman berkata perdana menteri akan turut diiringi Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Idris Jusoh, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Madius Tangau dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Senator Datuk Seri Abdul Wahid Omar.

Anifah berkata tema bagi sesi tahun ini ialah "PBB pada 70: Jalan ke Arah Keamanan, Keselamatan dan Hak Asasi Manusia".

Di luar persidangan itu, Anifah berkata Najib dijadual mengadakan rundingan dua hala dengan beberapa ketua kerajaan dan ketua negara yang menghadiri perhimpunan agung itu.

Najib terlebih dahulu akan berucap pada rundingan Meja Bulat Peringkat Tinggi mengenai Kerjasama Selatan-Selatan, antara lain akan dihadiri oleh Setiausaha Agung PBB Ban ki-Moon dan pemimpin China, Xi Jinping.

Semasa di New York, perdana menteri dijadual menerima anugerah pada majlis jamuan malam gala bersempena ulang tahun ke-150 Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU).

Anugerah itu berikutan sumbangan beliau ke arah memanfaatkan potensi teknologi komunikasi dan maklumat bagi pembangunan lestari.

Pada Ahad (27 Sept), Najib merupakan antara pemimpin yang akan berucap pada Sidang Kemuncak PBB untuk Menerima Pakai Agenda Pembangunan pasca-2015 mengenai Pembangunan Mapan.

Anifah berkata Najib dijangka menggariskan komitmen dan sokongan Malaysia bagi Agenda Pembangunan 2030 dan pelaksanaannya.

Pada hari sama, perdana menteri dijadual berucap pada Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin Sedunia mengenai Kesamarataan Gender dan Pemerkaasan Wanita.

Isnin ini, Najib akan mempengerusikan Mesyuarat ke-5 Majlis Penasihat Sains dan Inovasi Global (GSIAC) di sebuah hotel di sini.

Beliau kemudian akan beredar ke ibu pejabat PBB untuk menyampaikan ucapan pada Sidang Kemuncak para Pemimpin mengenai Pemeliharaan Keamanan, sesi yang dipengerusikan Presiden Amerika Syarikat Barack Obama.

Ini disusuli dengan majlis minum petang Najib bersama diaspora Malaysia di Pejabat Perwakilan Tetap Malaysia di sini sebagai sebahagian daripada Program Outreach kerajaan dengan rakyat Malaysia di luar negara yang tinggal, belajar dan bekerja di Amerika Syarikat.

Pada Selasa, Najib akan menyampaikan satu lagi ucapan penting pada Sidang Kemuncak para Pemimpin mengenai Pembanterasan ISIL dan Keganasan Melampau yang turut dipengerusikan Presiden Obama.

Anifah berkata perdana menteri dijadual menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Negara-negara yang terlibat dalam Pasukan Penyiasat Bersama berhubung MH17 (JIT) terdiri daripada Australia, Belgium, Belanda, Ukraine dan Malaysia.

"Mesyuarat itu bertujuan menegaskan semula keazaman bersama dan berterusan negara anggota JIT untuk memburu kebertanggungjawaban pelaku dan mendapatkan keadilan bagi mangsa serta orang tersayang mereka," katanya.

Tumpuan lain perdana menteri semasa berada di sini adalah untuk terus mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan menarik dalam pertemuan beliau dengan pemimpin perniagaan dan peneraju industri Amerika Syarikat.

Sementara itu, Anifah juga mempunyai jadual yang padat dengan menghadiri beberapa mesyuarat membabitkan menteri dari ASEAN selain mesyuarat bersama beberapa kumpulan hubungan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

Najib dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor akan berlepas dari New York City ke Milan, Itali, pada 1 Okt untuk satu lagi lawatan kerja.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 3
TARIKH : 26 SEPTEMBER 2015 (SABTU)

Malaysia terima pakai Agenda 2030 PBB

■ NEW YORK 25 SEPT.

MALAYSIA akan menyokong pelaksanaan Agenda 2030 Pembangunan Mapan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang akan dimulakan pada 26 September ini.

Agenda 2030 itu menetapkan 17 matlamat pembangunan mapan yang akan diterima pakai oleh negara-negara di seluruh dunia, yang antara lain menandakan bermulainya satu era baharu pembangunan global yang memberi penekanan bersungguh-sungguh kepada siri tindakan ke arah pembangunan komprehensif yang lestari.

Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman berkata, dalam sidang kemuncak PBB itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dijadual menggariskan komitmen dan sokongan Malaysia terhadap Agenda 2030 berkenaan dan pelaksanaannya.

Perdana Menteri telah pun berada di kota New York sejak Rabu dalam rangka lawatan kerja lapan hari yang padat sempena Perhimpunan Agung PBB, iaitu acara tahunan yang memberi peluang kepada Malaysia memajukan dasar luarnya dan memperkuatkukuhkan hubungan pelbagai hala.

Selain Anifah selaku Menteri Luar, delegasi Malaysia yang diketuai Najib juga diiringi isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh; Menteri Sains Teknologi dan Inovasi; Datuk Madius Tangau dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Seri Abdul Wahid Omar.

Turut berada di New York ialah Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed



**Baharom
Mahusin**

Melaporkan dari NEW YORK

Hamed Khaled Nordin.

Anifah memberitahu, sebagai acara utama lawatan kerja ke PBB, Perdana Menteri dijadualkan menyampaikan kenyataan negara pada Debat Umum Sesi Ke-70 Perhimpunan Agung PBB pada 1 Oktober ini dalam satu ucapan yang bakal menyentuh pelbagai cabaran yang dihadapi dunia ketika ini dan berkongsi pandangan Malaysia mengenainya.


Kehadiran Najib bersama 170 pemimpin dunia di ibu pejabat PBB di New York amat signifikan kerana pada 24 Oktober ini, badan dunia itu akan merayakan ulang tahun ke-70 penubuhannya.

Di New York juga, Perdana Menteri dijadualkan menyertai Meja Bulat Peringkat Tinggi mengenai Kerjasama Selatan-Selatan pada 26 September.

Meja Bulat berkenaan bertujuan meningkatkan kerjasama Selatan-Selatan di antara negara-negara membangun dalam rangka kerja Agenda Pembangunan Pasca-2015.

Perdana Menteri dijangka menyampaikan kenyataan pada Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin Sedunia Mengenai Kesamarataan Gender dan Pemeriksaan Wanita. Mesyuarat itu diadakan bagi merayakan 20 tahun Deklarasi Beijing dan Landasan untuk tindakan mengenai kesamarataan gender dan pemeriksaan wanita.

Anifah menegaskan: "Penglibatan Perdana Menteri pada mesyuarat ini mencerminkan komitmen kerajaan terhadap kemajuan wanita



PERDANA MENTERI dijadual menyampaikan kenyataan negara pada Debat Umum Sesi Ke-70 Perhimpunan Agung PBB di New York, Amerika Syarikat pada 1 Oktober ini.

yang berterusan di Malaysia."

Pada 28 September pula, Najib dijadualkan menghadiri dan menyampaikan kenyataan pada Sidang Kemuncak Para Pemimpin Mengenal Pemeliharaan Keamanan. Sidang Kemuncak tersebut yang akan turut dihadiri oleh Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama bertujuan memperbaharui komitmen negara-negara anggota PBB dalam usaha memperkasakan misi-misi penggaran PBB.

Pada hari berikutnya, Perdana Menteri dijadualkan menyampaikan kenyataan pada Sidang Ke-

muncak Para Pemimpin Mengenal Pembanterasan ISIL dan Keganasan Melampau yang menghuru-harakan Syria dan Iraq serta kini menjadikan ancaman besar di negara-negara Asia Barat.

Menurut Anifah, sidang kemuncak itu bertujuan menilai kemajuan dalam usaha membanters ISIL dan keganasan melampau setakat ini, merenung perkara-perkara yang boleh dijadikan pengajaran dan membincangkan langkah-langkah yang boleh diambil pada masa depan.

Di New York juga, Perdana Men-

teri bakal menyertai Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Negara-Negara Yang Terlibat Dalam Pasukan Penyiasat Bersama Berhubung MH17 pada 29 September. Mesyuarat itu merangkumi ketua-ketua negara dan kerajaan Australia, Belanda, Belgium, Malaysia dan Ukraine.

"Mesyuarat ini bertujuan menegaskan semula keazaman negara-negara berkenaan dalam merusak usaha membawa piyah yang bertanggungjawab atas kejatuhan pesawat MH17 ke muka pengadilan bagi pihak mangsa dan keluarga mereka," kata Anifah.

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 2
TARIKH : 26 SEPTEMBER 2015 (SABTU)

PM to state Malaysia's stand

Najib to address UNGA on challenges facing the world today

NEW YORK: In keeping with United Nations General Assembly's (UNGA) theme on peace, security and human rights, Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak will speak on some of the challenges facing the world today and share Malaysia's views on them.

He is scheduled to deliver Malaysia's national statement at the general debate of the 70th session of UNGA next Thursday.

This session's theme "The UN at 70: The Road Ahead for Peace, Security and Human Rights" will focus on three areas: achieve new goals and commitments for sustainable development; strengthen the role of the UN on peace and security; and implement UN's work on human rights, governance, rule of law and gender.

Najib will have a full schedule from today with a bilateral meeting, followed by the high-level round-



LEANNE GOH
in New York

table on South-South Cooperation where China's President Xi Jinping will give the welcome address.

He will end the day with a gala dinner held in conjunction with the 150th anniversary of the International Telecommunications Union.

The Prime Minister will receive an award for his contribution to developing the potential of information and communication technologies for sustainable development.

Briefing the Malaysian media at the Permanent Mission of Malaysia here, Foreign Minister Datuk Seri Anifah Aman said there would be record number of about 170 heads

of state participating in UNGA this year, providing an extensive platform for the exchange of views.

He shared the country's area of focus at UNGA as reflected by the meetings that Najib would be attending.

Najib is scheduled to attend the UN Summit for the Adoption of the Post-2015 Development Agenda.

He will also deliver a statement at the Global Leaders' Meeting on Gender Equality and Women's Empowerment.

"His participation in this event is a reflection of the Government's commitment towards the continued advancement of women in Malaysia," said Anifah.

On Monday, the first day of the general debate of the 70th session, Najib will deliver a statement at the Leaders' Summit on Peacekeeping and to renew the commitment of member states towards strengthen-

ing UN peacekeeping missions.

The next day, the Prime Minister is expected to deliver a statement at the Leaders' Summit on Countering ISIL (IS) and Violent Extremism.

The summit will provide a platform for UN member states to take stock of the progress made so far in combating IS and discuss future measures.

Najib will also participate in the Meeting of the Heads of Governments of the Countries Participating in the MH17 Joint Investigation Team (JIT), comprising Australia, Belgium, the Netherlands, Ukraine and Malaysia.

The meeting is expected to reaffirm the continued and common resolve of the JIT countries to pursue accountability of the perpetrators and seek justice for the victims and their loved ones.

Najib will chair the 5th Global Science and Innovation Advisory

Council Meeting (GSIAC).

The GSIAc initiative aids the Government's transformation agenda by boosting Malaysia's capacity in science and innovation and providing strategic direction for the development of the biotechnology industry.

On the sidelines of assembly, Najib will hold bilateral meetings with several world leaders to exchange views on issues of mutual concern and with US business leaders and industry captains, and Malaysians and students.

The Prime Minister who arrived here with his wife Datin Seri Rosmah Mansor on Wednesday evening, is also accompanied by Higher Education Minister Datuk Seri Idris Jusoh; Science, Technology and Innovation Minister Datuk Madius Tangau; and Minister in the Prime Minister's Department Datuk Seri Abdul Wahid Omar.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 26 SEPTEMBER 2015 (SABTU)



Langit Malaysia Pulih Seperti Biasa Menjelang Oktober

KUALA LUMPUR, 26 Sept (Bernama) -- Malaysia dijangka bebas dari gangguan jerebu rentas sempadan menjelang awal Oktober kerana kesan dari siklon Dujuan, yang bermula dari Filipina, diramal lenyap awal minggu depan.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Datuk Che Gayah Ismail berkata keadaan ini boleh berlaku secara tentatif pada 28 hingga 30 Sept.

Dujuan yang muncul dari Filipina sejak Selasa lepas, yang mengakibatkan perubahan arah angin, membawa balik jerebu ke negara ini selepas reda seketika.

"Musim intera-monsun tercetus pada pertengahan bulan ini, ketika keadaan sepatutnya bebas jerebu. Namun, kita boleh menjangkakan bebas dari jerebu tidak lama lagi," kata beliau kepada Bernama pada Sabtu.

Beliau berkata musim intra-monsun dijangka membawa hujan pada sebelah tengah hari.

Che Gayah berkata operasi pemberian awan akan hanya dijalankan bila Indeks Pencemaran Udara (API) di sesuatu kawasan mencecah paras tidak sihat selama 72 jam (tiga hari) berturut-turut.

Beliau berkata jabatan itu kini memantau rapat situasi di Johor.

Tiga stesen di Johor - Pasir Gudang, Larkin Lama dan Kota Tinggi yang melaporkan API tidak sihat sejak Khamis, mengalami kualiti udara bertambah baik pagi ini, dengan indeks direkodkan pada paras sederhana pada 1.00 tengah hari.

Di Kuala Lumpur, API terus berada di paras sederhana dalam masa tiga hari lepas.

Bacaan API 0 ke 50 menunjukkan kualiti udara baik; 51 ke 100, sederhana; 101 ke 200, tidak sihat; 201 ke 300, amat tidak sihat; 300 dan lebih, berbahaya.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 26 SEPTEMBER 2015 (SABTU)



Ketampakan Rendah Di Perairan Malaysia Sehingga Isnin

KUALA LUMPUR, 26 Sept (Bernama) -- Jarak ketampakan rendah kurang daripada lima kilometer di perairan Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang dan Sarawak dijangka berterusan sehingga Isnin ini.

Jabatan Meteorologi dalam satu kenyataan pada Sabtu berkata keadaan sama turut berlaku di selatan Selat Melaka, Tioman, Bunguran, Kuching dan Reef South.

Keadaan itu berbahaya kepada kapal yang tidak mempunyai navigasi pelayaran, tambah kenyataan tersebut.

Menurut kenyataan itu lagi, angin kencang barat daya antara 40 dan 50 kilometer sejam dengan ombak setinggi 3.5 meter yang berlaku di perairan Condore, Reef North, Layang-layang, Palawan dan Sulu dijangka berterusan sehingga Isnin, serta berlarutan sehingga Rabu di perairan Phuket.

Keadaan itu adalah berbahaya untuk bot kecil, aktiviti rekreasi laut dan sukan laut.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 26 SEPTEMBER 2015 (SABTU)



Ketampakan Rendah 5 KM Akibat Jerebu Di Enam Negeri Sehingga Isnin

KUALA LUMPUR, 25 Sept (Bernama) -- **Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM)** mengeluarkan amaran ketampakan rendah kurang dari lima kilometer akibat jerebu di enam negeri yang dijangka berterusan sehingga Isnin ini.

Menurut kenyataan JMM hari ini, negeri terlibat ialah di sekitar perairan Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang dan Sarawak.

"Keadaan itu berbahaya kepada kapal yang tidak mempunyai navigasi pelayaran," tambah kenyataan tersebut.

Jabatan Meteorologi juga mengeluarkan amaran ribut petir yang berlaku di perairan Sarawak iaitu di Mukah, Bintulu dan Miri serta di Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah iaitu di pedalaman dan pantai barat yang dijangka berterusan sehingga awal Jumaat malam.

Keadaan ini boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50 kmsj dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter dan berbahaya kepada bot kecil.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 26 SEPTEMBER 2015 (SABTU)



Gempa Bumi Kuat Melanda Coquimbo Di Chile

KUALA LUMPUR, 26 Sept (Bernama) -- Satu gempa bumi kuat berukuran 6.2 pada skala Richter melanda tenggara Coquimbo, Chile pada pukul 10.51 pagi Sabtu.

Jabatan Meteorologi dalam satu kenyataan berkata pusat gempa adalah di 16,685km tenggara Lubok Antu, Sarawak.

Gempa itu tidak membawa ancaman tsunami, kata kenyataan itu.

-- BERNAMA